

TEKS UCAPAN
DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGUMPULAN KITAR SEMULA
TAMAN PEKATRA INDAH
25 SEPTEMBER 2016 (AHAD), 10.30 PAGI

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Dr. Tiun Ling Ta,

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha En. Ahmad Rahimi bin Abu Seman

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kitar Semula Taman Pekatra Indah

Ketua - ketua Jabatan

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinya dapat kita bersama pada hari ini dalam Majlis Pengumpulan Pusat Kitar Semula Taman Pekatra Indah.

Untuk makluman semua, bermulanya program kitar semula di Taman Pekatra Indah atas inisiatif Ahli Majlis Dr Tiun Ling Ta serta kerjasama dengan Jawatankuasa Penduduk Taman Pekatara Indah. Aktiviti pertama yang diadakan adalah Ceramah yang telah diadakan pada 21-2-2016 dan disusuli dengan beberapa kali perbincangan dengan tujuan mewujudkan pusat pengumpulan kitar semula. Semua perbelanjaan MPSP disalurkan melalui peruntukan Ahli Majlis Dr Tiun.

Hadirin sekalian,

Satu kajian pembuangan sisa di Taman Pekatra Indah telah diadakan pada 2 Mac 2016 hingga 9 Mac 2016. Bilangan rumah yang menjana sampah ialah antara 110 hingga 158 buah. Jumlah sampah yang dijana ialah 1320.6 kg dan yang boleh kitar semula ialah 298.6 kg. Jumlah keseluruhan ialah 1618.8 kg. Hasil kajian menunjukkan 18.40% sisa yang boleh dikitar semula dibuang sebagai sampah. Purata penjanaan sisa ialah 1.835 kg se rumah.

Berasaskan kajian yang dibuat, jika kita berjaya dalam kitar semula kita boleh meningkatkan lagi pengurangan sisa buangan. Tahniah diucapkan semasa kajian tiada kertas, kadbod, surat khabar lama dibuang. Yang masih dibuang ialah bahan-bahan plastic, tin dan botol kaca.

Dalam tahun ini sahaja kita dapat melihat fenomena-fenomena cuaca yang berlaku didalam Negara kita sendiri. Pada awal tahun 2016, Malaysia telah dilanda fenomena El-Nino yang menyaksikan perubahan cuaca panas melampau sehingga dilaporkan sebanyak lima (5) kes strok haba yang mana salah satu (1) daripada kes tersebut telah membawa kepada kematian.

Fenomena air pasang besar yang menjadi liputan dalam media kebelakangan ini, menyebabkan beberapa tempat telah dinaiki air. Di kawasan Kuala Muda Kedah, penduduk tempatan menyifatkan fenomena air pasang besar kali ini adalah yang paling buruk selepas tsunami. Limpahan air sungai akibat fenomena ini menyebabkan berlakunya banjir kilat di beberapa buah tempat. Saya ingin mengaitkan tabiat membuang sampah tanpa memikirkan kesan dan akibat, ia akan menjadikan banjir yang terjadi akibat fenomena ini semakin buruk. Fenomena air pasang besar ditambah dengan hujan lebat, akan menyebabkan aliran air didalam sungai akan tersumbat dan limpahan air ke kawasan yang rendah akibat sungai yang semakin cetek akibat sampah yang dibuang ke dalam sungai. Perubahan cuaca dan “global warming” ini adalah hasil dari perbuatan manusia.

Bagi mengelakkan permasalahan banjir kilat serta bencana alam yang lain, antara salah satu inisiatif adalah mengikuti dasar pengasingan sisa dipunca bagi Negeri Pulau Pinang telah dikuatkuasakan bermula pada 1 Jun 2016. Saya juga menyeru supaya penduduk tidak membuang sampah di merata tempat, sehingga tersumbatnya longkang dan pam air.

Pengasingan sisa di punca di Negeri Pulau Pinang mewajibkan pengasingan sisa dibahagi kepada dua kategori sahaja. Kategori tersebut adalah sisa yang tidak boleh dikitar semula (termasuk sisa makanan) dan sisa yang boleh dikitar semula. Kaedah ini lebih mudah untuk difahami dan diamalkan oleh para penduduk tanpa perlu memikirkan cara yang terlalu rumit untuk mengasingkan sisa mereka.

Kutipan barangan kitar semula dibuat setiap hari Sabtu oleh MPSP. Namun kutipan hanya dibuat bagi kategori skim perumahan dan data yang dikumpul hanya merujuk kepada kategori ini sahaja. Bagi kategori-kategori lain, pengurusan sisa kitar semula akan dibuat samada oleh JKKK, rukun tetangga, Joint Management Body (JMB), Resident Association ataupun Management Corporation.

Tinjauan yang dibuat, dapat dilihat terdapat beberapa peringkat masyarakat dalam menerima dan mengamalkan dasar ini. Ada lapisan masyarakat yang masih belum peka mengenai dasar, ada yang tahu tetapi malas untuk

mengamalkan dengan alasan mereka sibuk dan ia menyusahkan, dan yang ketiga, ialah lapisan masyarakat yang maklum mengenai dasar ini dan mengamalkannya. Walaupun pada asasnya, masyarakat diminta mengasingkan sampah dan meletakkan di tepi tong, namun ada juga yang mengambil inisiatif mengasingkan dan menjual secara terus kepada agen kitar semula, atau dihantar kepada pusat pengumpulan komuniti. Terdapat juga sisa kitar semula diasing dan dan diserahkan kepada *scavenger* ataupun sisa yang diasing dan diletak ditepi tong diambil dahulu oleh *scavenger* sebelum ketibaan lori MPSP.

Pada minggu pertama selepas Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dilaksanakan, kutipan sisa kitar semula bagi kategori skim perumahan bagi 4891 buah premis yang diliputi beratannya sebanyak 4524kg. Pada minggu kedua pula, meliputi 12,689 buah premis beratan sisa kitar semula adalah 6954kg. Dan pada minggu ketiga dengan bilangan premis sebanyak 8785, sebanyak 5650 sisa kitar semula telah dikutip. Manakala minggu ke empat pula beratan kitar semula adalah 5046.5 bagi 16696 buah premis. Penurunan beratan sisa kitar semula pada minggu ketiga dan keempat pula adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu;

1. Kehadiran ramai pemungut barangan kitar semula pada hari Jumaat dan Sabtu.
2. Kehadiran ramai pembeli barangan kitar semula pada hari Sabtu.

Pihak MPSP terus menerus menjalankan aktiviti promosi dan pendidikan untuk memastikan setiap pihak memahami tugas dan peranan mereka dalam Dasar Pengasingan Sisa Di Punca ini. Ini dapat dilihat bagi data barangan kitar semula yang dikutip oleh MPSP pada minggu pertama dan ke dua bulan Julai. Terdapat peningkatan barangan kitar semula yang dikutip bagi minggu pertama Julai. Untuk 17,025 premis sebanyak 8764kg telah dikutip manakala bagi minggu kedua Julai 9015kg barangan kitar semula telah dikutip dari 17,230 buah premis.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya menyeru para penduduk taman pekatra indah secara khususya dan dan para hadirin amnya , untuk menjadikan pengasingan di punca sebagai satu gaya dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan seijau mungkin. Marilah kita menjadi 'agen perubahan yang positif' @ 'agent of change' untuk menjamin persekitaran yang bersih dan sihat. Pengasingan sisa di punca bermula dari diri kita sendiri, kemudian keluarga dan komuniti seterusnya.

Saya dengan ini berbesar hati merasmikan Pusat Pengumpulan Kitar Semula Taman Pekatra Indah.

Sekian, terima kasih.